

# FKAL dan KAPENAS bincang penyelidikan kesatuan sekerja di Sabah, Labuan

UB 23.10.2024 P.04

LABUAN: Mesyuarat pembentangan penemuan awal penyelidikan berkaitan kesatuan sekerja di Sabah dan W.P Labuan diadakan di Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) baru-baru ini.

Mesyuarat dihadiri oleh lima penyelidik dari Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL) iaitu Dr. Sharinah Puasa, Dr. Rini Suryati Sulong, Dr. Nurhamizah Mumin@Osman, Dr. Emily Yapp Hon Tshin dan Dr. Anath Rau Krishnan.

Hadir sama empat pegawai Kesatuan Kakitangan Petroliaam Nasional Berhad (KAPENAS) W.P Labuan iaitu

Mansyur Lakasa, Shahril Haji Raffiee, Denise Gregory dan M. Noradiman M. Jumat.

Projek penyelidikan ini merupakan kerjasama antara FKAL dan KAPENAS, yang bermula dari 1 Jun 2024 hingga 31 Disember 2024.

Pengumpulan data kuantitatif telah dilaksanakan pada penghujung Jun hingga pertengahan Ogos 2024, melibatkan bantuan KAPENAS serta sembilan enumerator yang dilantik untuk tujuan berkenaan.

Ketua Penyelidik, Dr. Sharinah Puasa dari FKAL, telah membentangkan penemuan awal data kuantitatif yang diperolehi.

Pembentangan itu menggariskan beberapa dapatan kajian yang penting berkaitan tahap pengetahuan dan kesedaran berkesatuan dalam kalangan pekerja bermajmukan di Sabah dan W.P Labuan.

Perbincangan yang berlangsung kira-kira dua jam antara kedua-dua pihak menghasilkan pelbagai idea dan cadangan untuk menambah baik kaedah serta strategi sedia ada.

**BINCANG:** Dr. Sharinah (lima kanan) dan Mansyur (empat kiri) bersama penyelidik FKAL (kanan) dan pegawai KAPENAS.

